

14 MAY 2002

Mahathir-tiba/I

DR MAHATHIR TIBA DI WASHINGTON UNTUK LAWATAN TIGA HARI

Oleh: E.Sivabalan dan Salmly Hashim

WASHINGTON, 14 Mei (Bernama) - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini Isnin untuk memulakan lawatan tiga hari ke Amerika Syarikat atas undangan Presiden George W.Bush.

Ini merupakan lawatan pertama Dr Mahathir ke White House sejak pertemuannya dengan bekas Presiden Bill Clinton pada tahun 1994.

Pesawat khas yang membawa perdana menteri mendarat di Pangkalan Udara Andrew di sini pada kira-kira pukul 2 petang waktu tempatan (2 pagi Selasa waktu Malaysia).

Dr Mahathir kemudian dibawa ke rumah tetamu Presiden Amerika Syarikat dikenali sebagai 'Blair House' di 1651 Pennsylvania Avenue.

Rombongan sembilan anggota yang mengiringi Perdana Menteri tiba di sini lebih awal. Antara mereka ialah Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman.

Pada Isnin malam, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan dijadual menghadiri majlis makan malam yang dihoskan Persatuan Pertukaran Amerika-Malaysia, sebuah pertubuhan yang terdiri daripada para pemimpin pendapat Amerika dan Malaysia.

Selepas majlis itu, beliau dijadual minum kopi dengan anggota petugas Kelab Kongres.

Jadual yang ketat menanti Dr Mahathir pada Selasa, yang pertama mengadakan perbincangan dengan Bush di Rumah Putih dan beberapa anggota kanan dalam pentadbirannya di White House dan Blair House.

Pertemuan pertamanya dengan Setiausaha Perbendaharaan Paul O'Neil akan diikuti perjumpaan dengan wakil Perdagangan Amerika Robert Zoellick.

Selepas pertemuan dengan pemangku Setiausaha Negara Richard Armitage, Dr Mahathir dijangka menyaksikan majlis menandatangani Perisytiharan Bersama Mengenai Kerjasama Untuk Membanteras Keganasan oleh Syed Hamid dan Armitage.

Perdana Menteri akan mengadakan perjumpaan dengan Washington Post dan kemudian menghadiri jamuan tengahari yang dihoskan Speaker Dewan Perwakilan Dennis Hastert di Capitol Hill dan kemudian minum kopi dengan anggota Jawatankuasa Hubungan Luar Senat.

Sebelum jamuan tengah hari itu, Dr Mahathir akan melancarkan Perundingan Kerjasama Perdagangan, Keselamatan dan Ekonomi Malaysia.

Pertemuan yang dijadual selama 35 minit dengan Bush akan diadakan pada pukul 4.05 petang waktu tempatan (4.05 pagi waktu Malaysia) di Bilik Oval. Ini akan diikuti satu perjumpaan dengan Penasihat Keselamatan Negara Condoleezza Rice dan Naib Presiden Dick Cheney.

Pada Selasa malam, Perdana Menteri akan menghadiri jamuan malam yang dihoskan Majlis Perniagaan Amerika-Asean yang diikuti perjumpaan singkat dengan pengerusi, presiden dan ketua pegawai eksekutif FedEx.

Perdana Menteri akan menamatkan program pada hari itu dengan satu perjumpaan bersama anggota media Malaysia.

Pada Rabu, program Dr Mahathir termasuk perjumpaan dengan Setiausaha Pertahanan Donald Rumsfeld, Pengerusi Rizab Persekutuan Alan Greenspan dan anggota kongres Tom DeLay.

Beliau juga dijadual merasmikan bangunan baru canseri kedutaan Malaysia di 3516, International Court dan bertemu dengan para pegawai tinggi Washington Times. Beliau juga akan menghadiri temuramah dengan CNN

International.

Sebelum mengakhiri lawatannya ke Amerika, Perdana Menteri akan mengadakan perjumpaan dengan para penuntut negara di Kedutaan Malaysia.

-- BERNAMA

ES SH AZZ RON